

**PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEBUTHARGA SECARA TERBUKA:
TERM KONTRAK 36 BULAN BAGI KERJA-KERJA 'PEST CONTROL' DI**

- 1 BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, COMMONWEALTH DRIVE**
- 2 BANGUNAN PUSAT STANDARD AKREDITASI BRUNEI DARUSSALAM (PSABD),
ANGGREK DESA**
- 3 BANGUNAN EKOSISTEM PERNIAGAAN (IBE), ANGGREK DESA**

BILANGAN RUJUKAN SEBUTHARGA: MOFE/Q/2025-4

YURAN TAWARAN/DOKUMEN : \$10.00 (\$5.00 e-dokumen)

Syarat-syarat sebutharga :

1. SEBUTHARGA adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam **kategori KPB 05** dan berpengalaman khusus dalam kawalan dan pemusnahan serangga.
2. Dokumen-dokumen sebutharga serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Unit Pengurusan Asset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja. Sila bawa **USB pendrive** bagi e-dokumen Sebutharga tersebut.
3. Sebutharga-sebutharga hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama sebutharga tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Sebutharga
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Peti Sebutharga, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Sebutharga hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 1 Disember 2025**. Semua sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebutharga yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelumnya dan senarai projek yang sedang dijalankan hendaklah juga disertakan sama.